

BUMI INI HANYA SATU

Berdasarkan laporan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Malaysia dijangka menghasilkan 30,000 tan bahan buangan menjelang 2020. Ia dikatakan berpunca daripada kadar penghasilan sampah yang menunjukkan trend semakin meningkat. Justeru, perlu dilaksanakan pelbagai inisiatif terutamanya daripada aspek kesedaran supaya kita boleh mengelak menjadi negara timbunan sampah suatu hari nanti.

Menghasilkan sampah mahupun suka membuang sampah di merata-merata tempat adalah dua sikap yang sangat rapat dengan manusia. Analisis Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelum ini misalnya mendapati setiap hari kira-kira 3,000 tan sampah dibuang dan 80 peratus daripadanya adalah sisa makanan buangan dari rumah. Ironinya jumlah itu mencukupi untuk memberi makan seramai dua juta orang yang kelaparan. Malah, rekod buangan sisa makanan ketika bulan Ramadan turut mengecewakan.

Hakikatnya kita mudah membuang sampah asalkan ia tidak mengganggu tanpa mempedulikan sejauh mana ia memberi kesan kepada ekosistem bumi, alam sekitar dan kehidupan lain. Justeru, kita perlu memberi perhatian dan fokus utama kepada kaedah bagaimana boleh mengubah sikap dan tindak-tanduk rakyat kita yang dilihat masih tidak memberi penekanan kepada aspek pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Semua pihak perlu disedarkan bahawa inilah satu-satunya bumi yang kita ada dan menjadi tanggungjawab bersama menjaga ekosistemnya demi kelestarian kehidupan generasi yang berikhtunya.

Hakikatnya sikap dan tingkah laku tidak boleh berubah dalam sekelip mata, apatah lagi boleh diubah oleh orang lain. Ini kerana sikap lahir dan membesar bersama-sama dengan kita. Maka usaha memupuk sikap kesedaran dan keprihatinan terhadap alam sekitar ini perlu dimulakan sejak kecil lagi. Umpama melentur buluh biarlah daripada rebunginya, begitulah caranya kita memupuk rasa sayang terhadap alam sekitar sejak zaman kanak-kanak lagi.

Generasi muda sebagai pewaris negara perlu dididik sejak kecil menjaga dan menghargai alam sekitar. Tanggungjawab ini sudah semestinya perlu dipikul oleh ibu bapa kerana mereka yang paling dekat dan rapat dengan anak. Pelbagai cara boleh dilakukan untuk membentuk keperibadian anak agar menyayangi alam sekitar. Antaranya ibu bapa wajar menunjukkan suri teladan di hadapan anak baik di rumah mahupun ketika di luar rumah.

Antara contoh paling mudah ialah dengan memastikan pengura-



ngan penghasilan pelbagai bahan buangan dan sampah domestik. Ini boleh dilakukan dengan amalan pengurangan pembaziran dalam pemakanan dan cermat ketika membuang sampah. Misalnya, belilah makanan mengikut keperluan dan buanglah sampah di tempat yang betul. Tindakan membuang sampah merata-rata termasuk dari atas kenderaan perlu dihentikan dengan segera. Ia penting kerana anak akan sentiasa memerhatikan tindak-tanduk kita yang akhirnya menjadi ikutan mereka sepanjang hayat kerana pemerhatian akhirnya memben-

tuk sikap mereka. Jadi ibu bapa perlu ingat, kesan dan pengaruh tindak-tanduk mereka terhadap pembentukan sikap anak-anak mereka.

Di samping itu, usaha kesedaran juga perlu terus dipertingkatkan di peringkat sekolah. Sekolah adalah tempat terbaik memupuk, membentuk mahupun mengubah sikap generasi muda kita. Pihak Kementerian wajar memperkasakan lagi pendidikan kesedaran terhadap alam sekitar melalui pelbagai aktiviti dan program menarik yang boleh mencetuskan rasa sayang anak terhadap alam sekitar.

Aktiviti seperti program kitar semula, sayangi bumi, *Eco-School* di samping pelbagai program *go green* yang biasa dibuat wajar di mantapkan lagi. Kita yakin program sedemikian cukup baik dan wajar diteruskan. Cuma apa yang diperlukan ialah program sebegini perlu dijenamakan semula supaya memenuhi cita rasa generasi muda di samping memberi impak positif secara berterusan dan mampan. Impak positif yang diharapkan di sini ialah boleh mewujudkan kesedaran tinggi dalam kalangan anak muda kita untuk memelihara dan memulihara ekosistem bumi dan seterusnya kita dapat mengurangkan penghasilan bahan buangan secara keseluruhannya.

Dalam pada itu, kita juga berharap aspek penguatkuasaan turut dapat disemak semula. Kita mahu pihak penguat kuasa mengambil tindakan tegas terhadap individu mahupun organisasi yang melakukan pelbagai penceroobohan dan kerosakan terhadap muka bumi dan alam sekitar. Penghasilan pelbagai bahan buangan yang sering mengancam alam sekitar terutama bahan buangan industri perlu dikawal dan disekat sepenuhnya. Hukuman keras dan setimpal dilihat jalan terbaik dan terakhir mendisiplinkan pihak industri yang tidak bertanggungjawab ini.

Untuk itu, kita percaya sudah tiba masanya pihak berkuasa menyemak semula hukuman terha-

dap kesalahan membuang sampah di merata tempat baik di kawasan perumahan, kilang dan pejabat termasuk kesalahan membuang sampah di tepi jalan dan dari atas kenderaan.

Malah, hukuman ini perlu dikuatkuasakan dengan tegas tanpa sebarang kompromi sebagai pengajaran kepada semua. Hal ini penting kerana kebanyakan negara Barat, negara maju, malah negara jiran seperti Singapura dilihat berjaya menangani masalah pembuangan sampah melalui penguatkuasaan hukuman yang setimpal. Jadi tidak mustahil kita juga menuruti jejak langkah seperti mereka andai mahu membentuk sebuah masyarakat yang peka, sensitif dan menghargai alam sekitar.

Semoga masyarakat cepat insaf dan sedar betapa tangan kita sendiri sedang merosakkan dan menghancurkan alam sekitar dan bumi. Jadi usah tuding jari kepada orang lain sebaliknya marilah kita ubah sikap masing-masing agar lebih menghargai alam sekitar dan sama-sama memelihara dan memulihara ekosistem bumi demi kebaikan semua baik sekarang mahupun untuk masa hadapan. Kita tidak mahu tingkahlaku dan sikap kita sendiri menjadikan negara kita sebagai negara timbunan sampah suatu hari kelak.

Penulis Timbalan Pendafatar
Fakulti Kejuruteraan UPM

Dialog Kotaraya



Oleh Juragan

